

## Notis Privasi

**JACOBS DOUWE EGBERTS RTL SFM MY SDN. BHD. (No. Syarikat 199901006336 (481236-P)) (Dahulu dikenali sebagai Super Food Marketing Sdn. Bhd.) (“JDE”)** komited untuk menghormati dan menjaga privasi anda serta keselamatan maklumat peribadi anda dengan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan General Data Protection Regulation (GDPR).

Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman atau percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi-versi dalam bahasa lain Notis Privasi kami, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Di Notis Privasi ini, kami menerangkan maklumat peribadi yang kami kumpulkan, cara kami mengumpulkannya, dan untuk tujuan apa. Ini bermakna, antara yang lain, kami:

- menerangkan secara terperinci kategori maklumat peribadi yang kami kumpul dan cara kami mengumpulkannya;
- menyatakan secara jelas untuk tujuan apa dan atas dasar undang-undang apa kami memproses maklumat peribadi;
- berusaha untuk mengehadkan pengumpulan maklumat peribadi kepada maklumat yang diperlukan untuk tujuan yang sah sahaja;
- meminta kebenaran anda terlebih dahulu untuk memproses maklumat peribadi anda dalam kes di mana persetujuan anda diperlukan;
- melaksanakan langkah keselamatan yang sesuai untuk melindungi maklumat peribadi anda dan **meminta pihak** yang memproses maklumat peribadi atas arahan kami untuk mengambil langkah keselamatan yang sama;
- menghormati hak anda untuk meminta akses kepada dan mendapatkan salinan maklumat peribadi anda, membetulkan atau memadamkan **maklumat peribadi**, serta hak-hak lain yang anda miliki seperti yang diterangkan lebih lanjut di bawah.

Sila mengambil perhatian bahawa kami juga memproses maklumat peribadi melalui penggunaan kuki dan teknologi yang seumpamanya. Sila baca Dasar Kuki kami jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai perkara ini. Kami menggalakkan anda membaca notis dan dasar ini dengan teliti. Notis Privasi ini dikemaskini pada Mei 2018.

### **Mengapakah kami mengumpul maklumat peribadi anda?**

Apabila anda memilih untuk mendaftar akaun, membeli produk dalam talian atau menghubungi kami, kami akan meminta anda memberikan beberapa maklumat peribadi anda dan maklumat pilihan tentang penggunaan produk. Tujuan-tujuan utama kami untuk menggunakan maklumat peribadi anda termasuk:

- untuk berkomunikasi dengan anda secara peribadi, seperti memberi maklum balas atau menjawab permintaan anda berkenaan dengan perkhidmatan, mendaftar dan menyelesaikan aduan untuk anda;
- untuk memastikan anda menerima maklumat terkini tentang perkembangan komersial kami dan menawarkan tawaran yang diperibadikan (personalised offers) (berdasarkan sejarah pesanan anda serta tingkah laku anda di laman web kami) melalui surat berita kami;
- untuk melaksanakan penyelidikan pasaran untuk memahami keperluan anda dan **memperbaiki** perniagaan kami;
- untuk mentadbir akaun anda untuk laman web kami;
- untuk melaksanakan perjanjian, seperti menyelesaikan transaksi, mentadbir dan memenuhi pembelian anda serta perkhidmatan yang berkaitan dengannya;
- untuk menghantar kemas kini status dan komunikasi perkhidmatan;
- untuk menghantar pemberitahuan jika kami mengubah dasar dan dokumen undang-undang lain yang mungkin berkenaan dengan anda; serta
- untuk **mematuhi** undang-undang.

#### **Apakah **dasar** undang-undang yang digunakan untuk memproses maklumat anda?**

Kami hanya akan memproses maklumat peribadi anda jika kami mempunyai asas undang-undang untuk berbuat demikian. Dasar undang-undang untuk memproses maklumat peribadi untuk tujuan di atas ialah:

- Anda telah memberi kami kebenaran untuk memproses maklumat peribadi anda (contohnya, jika anda telah melanggan surat berita kami atau telah mendaftar akaun);
- Pemprosesan adalah wajib untuk melaksanakan kontrak anda atau untuk menyediakan kontrak anda atas permintaan anda (contohnya, jika anda membuat pesanan di laman web kami);
- Pemprosesan adalah wajib untuk kepentingan lain yang dijalankan oleh kami (seperti memproses Alamat IP untuk mencegah, mengesan dan/atau bertindak balas terhadap penyalahgunaan laman web kami dan/atau penyimpanan maklumat tambahan untuk mengenalpasti anda jika anda menghilangkan akses ke akaun anda; serta
- Pemprosesan adalah wajib untuk mematuhi undang-undang (contohnya, kami perlu mengekalkan data pelanggan untuk mematuhi peraturan fiskal).

#### **Bagaimanakah kami mengumpul maklumat peribadi anda?**

Anda boleh berkongsi maklumat peribadi anda dengan kami dengan cara-cara seperti berikut:

- melanggan surat berita kami;
- berkomunikasi dengan Pusat Penjagaan Pengguna (Consumer Care Centre) kami melalui e-mel, telefon, media sosial atau penulisan;
- mendaftarkan produk anda (dalam talian atau dengan menghantar kad balasan yang telah diisi);
- mengambil bahagian dalam promosi, acara, peraduan, forum dalam talian atau dengan mengisi soal selidik atau tinjauan yang berkaitan dengan produk kami;
- membeli produk atau perkhidmatan terus dari laman web kami;

- mendaftar akaun;
- mengambil bahagian dalam aktiviti media sosial yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami dengan menekan butang “like” atau “share”;
- meminta untuk menerima mesej pada telefon bimbit atau peranti anda;
- mengambil bahagian dalam ujian atau tinjauan produk;
- log masuk sosial; dengan menggunakan Facebook, LinkedIn atau informasi tauliah media sosial anda untuk mendaftar akaun atau log masuk;
- pendengaran sosial: kami boleh mencari kandungan yang berkaitan atau yang tersedia untuk penggunaan umum di Internet dan menggunakannya untuk meningkatkan produk atau perkhidmatan kami serta menyelesaikan isu pengguna;
- kuki yang diletakkan oleh JDE atau pihak ketiga pada komputer atau peranti mudah alih anda jika anda melawati laman web kami dan menerima kuki di mana kami menyediakan maklumat di Dasar Kuki kami.

### **Maklumat peribadi yang kami proseskan**

Dengan menggunakan produk kami, pembekal perkhidmatan atau ejen kami akan mengumpul data anda, yang mungkin termasuk maklumat peribadi. Kami hanya menyimpan dan menggunakan maklumat peribadi yang anda berikan secara langsung atau diberikan kepada kami untuk tujuan pemprosesan seperti yang dinyatakan di atas atau seperti yang dinyatakan ketika anda memberikan maklumat peribadi kepada kami. Kami tidak akan menggunakan maklumat peribadi untuk sebarang tujuan lain, melainkan anda telah memberikan kebenaran terlebih dahulu. Kategori maklumat peribadi yang boleh diproses oleh kami adalah seperti berikut:

- Butiran perhubungan (contohnya, nama pertama dan akhir, alamat pos, alamat e-mel, nombor telefon);
- Butiran peribadi lain (contohnya, jantina, tarikh lahir (pilihan), kewarganegaraan, bahasa);
- Data kewangan dan transaksi (contohnya, maklumat akaun bank, nombor kad kredit atau debit);
- Butiran akaun (contohnya, nama pengguna, kata laluan);
- Maklumat tentang produk anda.

### **Bagaimanakah kami berkongsi maklumat peribadi anda?**

Kami mungkin berkongsi maklumat peribadi anda dengan pembekal perkhidmatan pihak ketiga atau ejen (dipanggil ‘pemproses’) untuk melaksanakan aktiviti pemprosesan tertentu bagi pihak kami, seperti pihak yang terlibat dalam melaksanakan perjanjian pembelian (seperti pembekal perkhidmatan pembayaran dan perkhidmatan penghantaran bungkusan). Kami tidak akan menjual, menyewa, memajak atau memberikan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga dan membenarkan mereka menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan mereka sendiri. Kami menggunakan pembekal perkhidmatan pihak ketiga untuk pengehosan laman web, pemprosesan pembayaran, perkhidmatan penghantaran dan pengiklanan pihak ketiga.

Kami memuktamadkan ‘perjanjian pemrosesan data’ daripada semua pihak yang memproses maklumat peribadi anda supaya mereka merahsiakan data anda, melaksanakan langkah keselamatan yang sesuai, memberitahu kami jika keselamatan data anda telah dilanggar dan kewajipan lain untuk melindungi privasi anda.

Kami juga kadangkala menjual (sebahagian daripada) perniagaan kami kepada syarikat lain. Di mana perniagaan **berkaitan dengan produk-produk, penjualan perniagaan tersebut boleh** termasuk pemindahan maklumat peribadi anda kepada pemilik baharu.

Tambahan pula, kami akan melepaskan maklumat peribadi anda jika dikehendaki oleh undang-undang, diperlukan untuk mencegah **atau mencegah atau memerangi** penipuan dan menyelesaikan pertikaian **di mana perlu** atau untuk keperluan **sah yang terdesak di mana keadaan tersebut** melebihi kepentingan privasi anda, termasuk keselamatan perniagaan kami dan pekerja kami.

Kami berkongsi maklumat peribadi antara afiliiasi – afiliiasi JDE dengan mengikuti Binding Corporate Rules kami yang telah didaftarkan dengan Lembaga Perlindungan Data Belanda. Kami juga berkongsi peribadi maklumat dengan pengiklan pihak ketiga.

### **Komunikasi komersial**

Kami ingin menghantar maklumat tentang produk dan perkhidmatan berkaitan yang mungkin anda berminat berdasarkan sejarah pesanan anda dan tingkah laku anda di laman web melalui, contohnya, e-mel atau saluran komunikasi lain-lain. Walau bagaimanapun, kami hanya akan berbuat demikian jika (i) anda bersetuju untuk menerima komunikasi tersebut daripada kami; atau (ii) anda telah membeli produk atau perkhidmatan daripada kami iaitu serupa dengan produk atau perkhidmatan yang kami ingin memaklumkan kepada anda dan anda tidak menggunakan hak anda pada masa pembelian untuk membantah menerima komunikasi tersebut daripada kami.

Anda akan sentiasa berpeluang untuk berhenti melanggan sebarang komunikasi (yang berkenaan dengan produk dan perkhidmatan kami) daripada kami dengan menekan pilihan berhenti melanggan pada pengaki e-mel yang kami hantarkan atau dengan mengakses profil anda dalam talian serta menukar **pilihan** komunikasi anda.

### **Bagaimanakah kami melindungi maklumat peribadi anda?**

Kami melindungi maklumat peribadi anda dengan pelbagai langkah keselamatan. Langkah tersebut termasuk menggunakan borang pendaftaran yang selamat, penyulitan data dan menyekat akses ke maklumat peribadi anda.

### **Apakah tempoh pengekalan?**

Maklumat peribadi yang dikumpul akan disimpan tidak lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan seperti yang dinyatakan di Notis Privasi ini, melainkan keadaan di mana tempoh pengkelan yang lebih lama diperlukan atau dibenarkan **dari sisi** undang-undang. Contohnya:

- **Pembelian anda.** Semua maklumat peribadi mengenai pembelian anda akan disimpan sehingga pesanan telah **dipenuhi** dan dua tahun selepas tempoh jaminan telah tamat, melainkan anda telah mendaftar akaun. Dalam kes ini, data akan disimpan untuk tempoh sebagai yang dinyatakan di bawah. Sila mengambil perhatian bahawa beberapa maklumat peribadi anda mesti disimpan untuk tempoh yang lebih lama untuk mematuhi **kewajipan undang undang (fiskal)**.
- **Akaun anda.** Maklumat peribadi mengenai akaun anda (seperti nama pengguna, kata laluan, invois dan semua maklumat peribadi lain yang disimpan dalam akaun anda) akan dikekalkan sehingga anda memadamkan akaun anda **dan tiga bulan selepasnya**.
- **Apabila anda menghubungi kami.** Jika anda berkomunikasi dengan kami, kami akan mengekalkan sebarang maklumat peribadi yang diterima selama yang diperlukan untuk **mengendalikan** permintaan anda **dan tiga bulan selepasnya**.
- **Langganan anda kepada komunikasi komersial kami.** Jika anda mendaftar untuk menerima atau melanggan surat berita atau komunikasi komersial lain, semua maklumat peribadi yang diproses untuk tujuan ini, seperti nama dan alamat e-mel anda, akan disimpan sehingga anda berhenti melanggan. Jika anda berhenti melanggan, kami mungkin mengekalkan alamat (e-mel) anda dan tambahkannya pada senarai pihak yang juga telah berhenti langganan. Data ini akan dikekalkan selama tiga bulan selepas anda berhenti melanggan, semata-mata untuk tujuan menunjukkan bahawa anda tidak ingin menerima komunikasi komersial.
- **Jika anda menyertai peraduan, tinjauan dan ujian produk.** Semua maklumat peribadi yang **mungkin** diproses semasa peraduan, tinjauan dan penyertaan anda dalam ujian produk akan disimpan selama dua tahun selepas data telah dikumpulkan.

### **Kami menyimpan maklumat peribadi anda di Cloud**

Kami menyimpan maklumat peribadi anda di Cloud. Oleh itu, maklumat peribadi anda boleh diproses oleh pembekal perkhidmatan Cloud **bagi pihak kami** dan disimpan di lokasi berbeza di seluruh dunia. Kami telah membuat perjanjian dengan pembekal perkhidmatan Cloud tersebut dan juga telah mengambil langkah organisasi yang **diperlukan** untuk melindungi maklumat peribadi anda serta memastikan maklumat peribadi anda akan digunakan secara eksklusif untuk tujuan yang dinyatakan di Notis Privasi ini.

### **Kanak-kanak**

Kami tidak menyasarkan kanak-kanak di bawah umur 16 tahun.

### **Hak-hak anda**

Setiap komunikasi komersial yang anda terima menawarkan pilihan untuk anda berhenti melanggan dan menerima komunikasi komersial selanjutnya (seperti membantah penggunaan

maklumat peribadi anda). Kami akan cuba mematuhi permintaan untuk berhenti langgan anda secepat mungkin. Sila mengambil perhatian bahawa jika anda berhenti melanggan komunikasi komersial, kami masih dapat menghantar anda mesej pentadbiran yang penting, yang anda tidak boleh berhenti melanggan.

Anda juga boleh meminta untuk menyemak, membetulkan, mengemaskini, menghalang, menyekat atau memadam maklumat peribadi yang anda telah berikan atau meminta untuk menerima salinan elektronik maklumat peribadi anda untuk tujuan menghantarkannya kepada syarikat lain (setakat hak untuk mudah alih data ini diberikan kepada anda dibawah undang-undang yang berkenaan) secara menghubungi [office@first-privacy.com](mailto:office@first-privacy.com) atau [privacy@jdecoffee.com](mailto:privacy@jdecoffee.com) dan menyebut nama, (syarikat) serta alamat anda. Kami akan membalas permintaan anda selaras dengan undang-undang berkenaan.

Dalam permintaan anda, sila jelaskan maklumat peribadi yang anda ingin ubah, jika anda ingin maklumat peribadi anda dipadamkan daripada pangkalan data kami. Untuk perlindungan anda, kami hanya boleh melaksanakan permintaan jika maklumat peribadi adalah dikaitkan dengan alamat e-mel yang anda gunakan untuk menghantarkan permintaan anda dan kami mungkin perlu mengesahkan identiti anda sebelum melaksanakan permintaan anda. Kami akan cuba mematuhi permintaan anda secepat yang munasabah boleh dilaksanakan.

Sila mengambil perhatian bahawa kami perlu menyimpan sebagian maklumat peribadi anda untuk tujuan rekod dan/atau untuk menyelesaikan sebarang transaksi yang anda telah mulakan sebelum anda meminta perubahan atau pemadaman (contohnya, jika anda membeli atau menyertai promosi, anda mungkin tidak boleh menukar atau memadamkan maklumat peribadi yang diberikan sehingga pembelian telah diselesaikan atau promosi tamat).

### **Peranan pihak berkuasa perlindungan data**

Jika anda mempunyai sebarang aduan tentang cara kami memproses maklumat peribadi anda, kami berbesar hati untuk membantu anda. Namun begitu, anda juga berhak untuk membuat aduan dengan pihak berkuasa kawal selia di Malaysia yang berkenaan.

### **Butiran hubungan and syarikat**

Sila hantarkan soalan dan komen anda tentang privasi ke [privacy@jdecoffee.com](mailto:privacy@jdecoffee.com) atau hubungi kami melalui salah satu saluran media sosial kami.